>>Orang yang ketagihan seks tidak dapat dikesan secara luaran

KETAGIH JIKA TAK DIRAWAT

■ *10 daripada 60 remaja mengaku terperangkap dalam gejala hiperseksual, seks keterlaluan*

Nur Lela Zulkipli dan Garret Dawum
am@hmetro.com.my

Serdang

Seramai 10 daripada 60 remaja berusia 13 hingga 17 tahun yang mendapat khidmat kaunseling kerana kes akhlak di luar kawalan mengaku terperangkap dalam gejala hiperseksual atau seks keterlaluan.

Dapatan itu diperoleh daripada sesi kaunseling terhadap remaja lelaki dan perempuan dari sekitar Hulu Langat, Cheras, Ampang dan Gombak termasuk kajian terhadap lima remaja yang menghuni pusat pemulihan akhlak.

Pakar Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Madya Dr Siti Aishah Hassan berkata, orang yang ketagihan seks ini tidak dapat dikesan secara luaran kerana tiada ciri-ciri khas pada mereka, malah kanak-kanak yang lahir dalam keluarga kaya juga mengalami masalah berkenaan yang semakin membimbangkan.

Katanya, kebanyakan remaja hiperseksual adalah dari keluarga yang tinggal di kawasan penempatan perumahan sempit dan tiada bilik khusus untuk anak remaja perempuan atau lelaki secara berasingan.

"Hiperseksual terjadi apabila seseorang itu pernah mengalami penderaan seksual seawal usia enam tahun khususnya kanak-kanak perempuan, namun dalam kajian saya, hanya kanak-kanak yang berusia 10 tahun ke atas saja yang dipilih untuk kajian rawatan Hipnoterapi psiko-spiritual Islam.

"Mereka yang tidak mendapat rawatan ada yang menjadi ketagihan seks sehingga mencari sesiapa saja, selain itu ada mengalami kemurungan serta trauma.

"Ketagihan yang dialami itu akan membawa mereka untuk terus menerus melakukan hubungan intim dan sudah tentu memerlukan orang lain untuk memuaskan diri.

"Apabila pasangannya tidak bersedia dia akan mencari orang lain," katanya.

Menurut Dr Siti Aishah, sama seperti ketagihan alkohol, dadah atau judi, individu yang mengalami ketagihan seks juga akan mengalami peningkatan ketegangan atau rangsangan afektif sebelum melakukan aktiviti berkenaan.

"Pelepasan atau pelampiasan akan meredakan ketegangan. Tingkah laku ketagihan ini menyebabkan kesusahan yang ketara dan kemerosotan dalam peribadi, keluarga, sosial dan kefungsian lain dalam kehidupan individu itu.

"Selain itu, hiperseks juga berlaku kerana ada pelakunya berasa sepi dan kurang kepercayaan diri," katanya.

Tambahnya, kawalan dan perhatian berterusan daripada ibu bapa adalah penyelamat seseorang anak itu daripada menjadi mangsa gejala hiperseksual.

"Remaja lelaki dan perempuan berumur dalam lingkungan 11 hingga 17 tahun dilihat berpotensi terjebak dalam gejala hiperseksual selepas gagal mendapatkan kasih sayang sewajarnya dari ibu bapa.

"Tanpa kita sedari, ramai remaja perempuan di seluruh negara saban tahun terbabit dengan gejala hiperseksual atau naluri seks melampau sehingga menyumbang kepada peningkatan kes anak luar nikah, pengguguran kandungan dan pembuangan bayi," katanya.

Katanya, lebih menyedihkan apabila kajian yang dijalankan mendapati pelajar sekolah adalah antara yang terbabit.

"Sepanjang saya mengendalikan kes kaunseling membabitkan kes hiperseksual dalam kalangan kanak-kanak, kebanyakan kes berpunca daripada ibu bapa yang terlalu sibuk dengan kerja sehingga mengabaikan perasaan dan naluri anak-anak.

"Memang sebagai ibu bapa juga perlu menyediakan kehidupan yang selesa kepada anak-anak, namun jika ia tidak diimbangi dengan kasih sayang, tidak mustahil anak-anak boleh terjebak dengan gejala hiperseksual," katanya.

Katanya, beliau akan memastikan ibu dan anak datang kepada pihak kaunseling bersama bagi menyelesaikan masalah yang dianggap sudah terlambat untuk dibaiki, namun masih ada peluang jika berjaya mendapatkan nasihat yang betul.

"Perlu diingatkan setiap masalah pasti ada penyelesaiannya jika kita betul-betul mahu berubah. Dalam kes yang dikendalikan, kebanyakan ibu dan anak saling menyalahkan atas apa yang berlaku.

"Di sini, saya boleh simpulkan anak mendambakan kasih sayang ibu sementara ibu beranggapan anak mereka sudah cukup selesa dengan kehidupan mereka sehinggalah terjadi gejala tidak diingini," katanya.

Katanya, kanak-kanak dan remaja hiperseksual biasanya ketagih kerana pernah dirogol bapa atau saudara kandung sendiri sehingga ketagihan dan mereka sanggup berbuat apa saja bagi mendapatkan seks biarpun daripada lelaki tidak dikenali.

"Situasi ini bahaya bagi kanak-kanak kerana ia boleh mendatangkan mudarat kepada kesihatan pada masa akan datang. Jika ia tidak dirawati dikhuatiri akan menjejaskan kehidupan kanak-kanak itu apabila bergaul dengan masyarakat.

"Berbeza pula dengan kanak-kanak lelaki, kekerapan menonton video lucah adalah alasan yang diberikan sebagai kecenderungan membabitkan diri dalam gejala hiperseksual," katanya.

> "Mereka yang tidak mendapat rawatan ada yang menjadi ketagihan seks sehingga mencari sesiapa saja"
> Dr Siti Aishah



Hiperseksual sejak di bangku sekolah

Serdang: Wajahnya cantik persis model 'Pan Asia' dan antara pelajar cemerlang dalam kelas. Namun, di sebalik kehidupan normal gadis berusia 23 tahun itu sebenarnya terpalit kisah hitam apabila dia disahkan berdepan masalah hiperseksual sejak di bangku sekolah.

Kisah hitam gadis yang ingin dikenali sebagai Ana itu bermula ketika dia berumur 12 tahun apabila dia menjadi mangsa rogol bapa kandungnya selama beberapa tahun sebelum menyedari dirinya seorang hiperkseksual.

Katanya, dia tidak dapat mengawal dirinya untuk mendapatkan seks berikutan terlalu kerap dirogol bapanya dan mengakui sudah menjadi seramai 22 lelaki sejak di bangku sekolah.

"Saya bencikan diri saya kerana sukar mengawal nafsu biarpun saya cuba sibukkan diri dengan rakan dan pelajaran.

"Namun, saya tetap ketagih melakukan hubungan seks.

"Selepas bersama seorang lelaki, saya tidak pernah puas dan mahu mencuba melakukan hubungan seksual dengan lelaki lain sehinggalah berlanjutan di peringkat universiti," katanya.

Ana yang berjaya memperoleh markah cemerlang setiap semester itu juga akui dia tidak dapat mengingati bila kali terakhir ibunya bertanyakan khabar kerana wanita itu sibuk menguruskan perniagaan.

"Ibu sibuk setiap hari sejak saya kecil lagi. Hanya ayah yang tinggal bersama saya sehinggalah saya menjadi mangsa rogol tidak kira masa.

"Selepas saya berjaya memasuki asrama, saya mula mencari seks dan sanggup bersama dengan sesiapa saja asalkan saya puas.

"Pelbagai cara saya lakukan untuk memuaskan nafsu sehingga saya sendiri berasa jijik dengan diri sendiri," katanya.

FAKTA
Ana diperkosa bapa kandung sejak berusia 12 tahun

Menurut Ana, kekesalan mula terbit dalam hatinya dan mahu berubah, namun dirinya dilema bagaimana untuk berubah kerana bimbang sumber kewangan yang diperoleh dari lelaki yang dididurinya terjejas.

"Saya akui kemewahan yang saya peroleh kini adalah daripada beberapa orang lelaki yang saya tiduri. Namun, saya tidak sanggup lagi meneruskan perjalanan hidup yang hitam ini.

"Alhamdulillah atas bimbingan kaunseling selama beberapa bulan bersama Dr Siti Aishah, saya berjaya mengawal sindrom hiperseksual yang selama ini membelenggu hidup saya.

"Setiap bait kata dan sokongan diberikan Dr Aishah berjaya mengembalikan keyakinan diri untuk berdepan dengan masyarakat dan melawan nafsu dengan kembali ke jalan Allah SWT," katanya.

Ana yang berjaya menamatkan pengajiannya kini bahagia bersama suami tercinta yang reda atas semua kisah silamnya dan baru saja dikurniakan seorang cahaya mata.

Sering cari teman puaskan nafsu

Serdang: Dirogol sebanyak enam kali oleh bapa sendiri sejak berusia 11 tahun membuatkan Miya (bukan nama sebenar) menjadi ketagih dan sering mencari teman demi memuaskan nafsu.

Dia yang kini berusia 13 tahun mengaku sudah bersama lebih daripada lima lelaki hasil perkenalan menerusi laman sosial Wechat atau rakan.

"Tindakan ayah merogol saya sejak kecil buat saya jadi berani dan tidak risau apabila tidur bersama lelaki lain.

"Saya mula melakukan perbuatan itu selepas ayah bercerai dengan ibu setahun lalu. Dia tinggalkan saya dan ibu serta tiga adik-beradik begitu saja," katanya.

Kata Miya, ketagihan seks yang dialami juga didorong keseronokan.

"Tiada orang marah dan tahu dengan apa yang dilakukan. Saya juga menjadi gadis pilihan dalam kalangan kawan lelaki lain kerana pengalaman dan kehebatan melayan nafsu mereka.

"Saya mengaku tidak pernah menonton filem atau video lucah, tetapi tindakan ayah membuatkan saya jadi berani," katanya.

Kata Miya, perbuatan rakus bapa kandungnya itu tidak pernah diceritakan kepada sesiapa termasuk ibu kerana risau perkara tidak diingini berlaku.

"Saya tidak mahu ibu marah dan berlaku perkara lebih bahaya berlaku kepada keluarga.

"Ayah dan ibu bercerai selepas ayah mengalami masalah dalam perniagaan.

"Kini, ibu terpaksa bekerja menyara kami tiga beradik dengan melakukan perniagaan secara atas talian," katanya.

Miya yang kini sudah mengandung lima bulan terpaksa berhenti sekolah dan tinggal bersama ibunya.

Menurutnya, ibunya kini mengambil keputusan melakukan kaunseling keluarga selepas dia berubah menjadi seorang gadis liar selain mengandung bawah umur.

"Kadang-kadang saya tidak balik rumah kerana lebih suka melepak dengan rakan lain, malah, kami akan tidur di kawasan gelandangan.

"Saya jarang balik rumah selepas ayah dan ibu bercerai. Saya rasa bosan di rumah kerana ibu juga sibuk dengan kerjanya," katanya yang kini dikawal rapat oleh ibu.

MIYA menceritakan kisahnya kepada wartawan.

> "Tiada orang tahu dengan apa yang dilakukan. Saya juga menjadi gadis pilihan dalam kalangan kawan lelaki kerana pengalaman dan kehebatan melayan nafsu mereka"
> Miya